

PBAPP nafi lepas air ke laut

09/05/2016 3:31pm

Oleh AFANDI CHE MUHAMAD



PBAPP menolak dakwaan pesawah melepaskan air ke laut. - Gambar hiasan

GEORGE TOWN - Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebentar tadi menafikan sekeras-kerasnya dakwaan sekumpulan besar pesawah di Penaga, Seberang Perai Tengah di sini berhubung isu pelepasan air ke laut pertengahan tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ir. Jaseni Maidinsa berkata, pihaknya tidak pernah melepaskan air ke Sungai Muda kerana Skim Air Ampang Jajar Sungai Muda (SMWSB) yang berusia 43 tahun itu tidak memiliki fungsi untuk menghalang aliran air dari sungai itu ke perairan Selat Melaka sepenuhnya.

"Kami (PBAPP) bersimpati dengan nasib pesawah yang mengalami kerugian akibat tanaman tidak menjadi ekoran fenomena El Nino yang melanda negara kita baru-baru ini.

"Bagaimanapun, kami terkilan dengan tindakan mereka yang menuduh PBAPP bertanggungjawab terhadap masalah limpahan air di kawasan sungai tersebut," katanya ketika ditemui pada sidang akhbar di pejabatnya di Menara Kompleks Tun Abdul Razak di sini sebentar tadi. - K! ONLINE